

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KEDUA 2025

Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus pada suku tahun kedua, didorong oleh penggunaan domestik dan pelaburan walaupun permintaan luaran lebih perlahan

PUTRAJAYA, 15 OGOS 2025 – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia meningkat 4.4 peratus pada suku tahun kedua 2025, mengekalkan kadar pertumbuhan yang sama seperti suku tahun pertama. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK meningkat 2.1 peratus (ST1 2025: 0.7%) pada suku tahun ini. Prestasi ekonomi bulanan masing-masing bertumbuh 4.4 peratus dan 3.3 peratus pada bulan April dan Mei, sebelum meningkat 5.5 peratus pada bulan Jun 2025. Justeru, ekonomi berkembang 4.4 peratus pada separuh tahun pertama 2025 berbanding 5.0 peratus bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya. Maklumat ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam keluaran statistik KDNK bagi Suku Tahun Kedua 2025 hari ini.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pertumbuhan ekonomi pada suku tahun ini disokong oleh prestasi kukuh dari segi penawaran, terutamanya dalam sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. Ketahanan ekonomi Malaysia dapat dilihat melalui kekuatan permintaan domestik yang berterusan, didorong oleh perbelanjaan pengguna dan pengeluaran perindustrian, walaupun permintaan luar lebih lemah. Dari segi pengguna, pertumbuhan dipacu oleh perbelanjaan musim perayaan dan aktiviti perjalanan yang lebih tinggi, serta pelaburan yang direalisasikan dalam projek berkaitan pembinaan terutamanya pusat data. Gabungan pasaran buruh yang kukuh, kadar pengangguran dan inflasi yang rendah serta bantuan kewangan bersasar telah meningkatkan kuasa membeli isi rumah. Secara keseluruhan, perbelanjaan domestik kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan, lantas menjadi asas yang kukuh kepada ekonomi. Namun, keadaan luaran terus memberikan cabaran, dipengaruhi oleh perkembangan tarif yang berterusan serta ketidakpastian politik global yang berpanjangan."

Dari segi prestasi sektoral, sektor **Perkhidmatan** berkembang 5.1 peratus (ST1 2025: 5.0%) pada suku tahun kedua 2025, disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit sebanyak 4.3 peratus. Peningkatan ini disokong oleh segmen Perdagangan borong (6.1%) dan Perdagangan runcit (3.8%), manakala segmen Kenderaan bermotor pulih sedikit (0.1%) pada suku tahun ini. Selain itu, subsektor Pengangkutan & penyimpanan serta Makanan, minuman dan penginapan kekal memberangsangkan dengan masing-masing bertumbuh 8.6 peratus dan 9.0 peratus, didorong oleh permintaan berterusan dalam segmen muatan serta peningkatan jumlah ketibaan pelancong yang tinggi. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Perkhidmatan tumbuh 2.3 peratus (ST1 2025: 0.7%).

Sektor **Pembuatan** menyederhana 3.7 peratus (ST1 2025: 4.1%) pada suku tahun ini, didorong oleh industri berorientasikan domestik, terutamanya Produk prosesan makanan dan produk berkaitan pembinaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan industri berorientasikan eksport menyederhana disebabkan oleh pengeluaran yang lemah dalam Produk petroleum bertapis. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembuatan meningkat 2.1 peratus (ST1 2025: 1.4%).

Sektor **Pembinaan** mencatatkan pertumbuhan kukuh 12.1 peratus (ST1 2025: 14.2%), mengekalkan pertumbuhan dua digit selama enam suku tahun berturut-turut. Prestasi memberangsangkan ini dipacu terutamanya oleh segmen Bangunan bukan kediaman yang melonjak 17.0 peratus, disokong oleh pembangunan berskala besar dalam projek perindustrian, komersial dan infrastruktur. Ini diikuti oleh Aktiviti pembinaan pertukangan khas (10.6%), Kejuruteraan awam (9.4%) dan Bangunan Kediaman (12.2%). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini meningkat 5.2 peratus (ST1 2025: 1.1%).

Seterusnya, sektor **Pertanian** meningkat 2.1 peratus (ST1 2025: 0.7%) didorong oleh prestasi kukuh dalam subsektor Kelapa sawit sebanyak 5.3 peratus, disokong oleh pengeluaran tandan buah segar. Selain itu, subsektor Pertanian lain dan Ternakan, kedua-duanya mencatatkan peningkatan 2.0 peratus dan 1.5 peratus. Sektor ini meningkat 4.0 peratus (ST1 2025: 1.2%) berdasarkan pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Sektor **Perlombongan & pengkuarian** menyusut 5.2 peratus (ST1 2025: -2.7%), disebabkan oleh penguncupan dalam subsektor Gas asli (-8.1%) dan Minyak mentah & kondensat (-1.6%), berikutan pengeluaran yang lebih rendah akibat penyelenggaraan yang dirancang. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini terus merosot -5.5 peratus berbanding penurunan -1.9 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya.

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "**Perbelanjaan penggunaan akhir swasta** bertumbuh 5.3 peratus, meningkat berbanding 5.0 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh perbelanjaan dalam Restoran & hotel (14.3%) Pengangkutan (9.4%) dan Makanan & minuman bukan alkohol (4.2%), selari dengan momentum yang kukuh dalam perjalanan, pelancongan dan aktiviti berkaitan percutian. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat 2.1 peratus (ST1 2025: 1.5%)."

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan dalam aset tetap meningkat 12.1 peratus berbanding 9.7 peratus pada suku tahun sebelumnya, disumbangkan oleh pelaburan dalam Jentera & peralatan yang bertumbuh 16.6 peratus berikutan perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam teknologi maklumat dan komunikasi. Selain itu, komponen Struktur bertumbuh 10.5 peratus, manakala Aset lain meningkat marginal 0.3 peratus. Dari perspektif sektoral, kedua-dua sektor Awam dan Swasta menyumbang kepada pertumbuhan pelaburan yang kukuh pada suku tahun ini. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, PMTK merekodkan peningkatan signifikan 6.5 peratus (ST1 2025: 0.8%).

Beliau juga menyatakan bahawa, "**Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan** meningkat 6.4 peratus (ST1 2025: 4.3%), dipengaruhi oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 1.4 peratus (ST1 2025: 0.1%). Bagi sektor luaran, **Import** menokok 6.6 peratus (ST1 2025: 3.1%) disebabkan oleh permintaan dalam barang modal yang lebih tinggi sementara **Eksport** bertumbuh lebih perlahan 2.6 peratus (ST1 2025: 4.1%). Ini menjadikan **Eksport bersih** menyusut ketara -72.6 peratus. Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada suku tahun kedua 2025 didorong terutamanya oleh penggunaan domestik walaupun permintaan luaran yang lebih perlahan."

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuatkan kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 15 Ogos 2025


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
15 OGOS 2025**


LAMPIRAN

**Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK),
ST1 2022 – ST2 2025 dan 2022 – 2024**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 2: Pertumbuhan KDNK Tahunan, 2000 – 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 15 Ogos 2025

Carta 3: Pertumbuhan KDNK Bulanan dan Suku Tahunan, 2022-2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST1 2025 & ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 15 Ogos 2025

Carta 5: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Perbelanjaan, ST1 2025 & ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 6: Pertumbuhan KDNK Bulanan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, April – Jun 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysi


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 15 Ogos 2025

Carta 7: KDNK Pelarasan Musim (Perubahan Peratusan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST1 2019 – ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 8: Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita, ST1 2022 – ST2 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1: Prestasi KDNK Negara Terpilih

Negara Terpilih	2023	2024	2023				2024				2025	
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2
NEGARA ASEAN												
Malaysia	3.5	5.1	5.7	2.7	3.1	2.8	4.2	5.9	5.4	4.9	4.4	4.4
Singapura	1.8	4.4	1.0	1.3	1.9	3.1	3.2	3.4	5.7	5.0	4.1	4.4
Brunei	1.1	4.1	0.8	-3.1	-0.4	6.8	7.2	5.4	5.7	-1.3	-1.8	t.t
Thailand	2.0	2.5	2.7	1.9	1.6	1.8	1.7	2.3	3.0	3.3	3.1	t.t
Indonesia	5.1	5.0	5.0	5.2	4.9	5.0	5.1	5.1	5.0	5.0	4.9	5.1
Vietnam	5.1	7.1	3.4	4.3	5.5	6.7	6.0	7.3	7.4	7.6	6.9	8.0
Filipina	5.5	5.7	6.4	4.3	6.0	5.5	5.9	6.5	5.2	5.3	5.4	5.5
NEGARA LAIN												
Amerika Syarikat	2.9	2.8	2.3	2.8	3.2	3.2	2.9	3.0	2.7	2.5	2.0	2.0*
Kesatuan Eropah	0.5	1.1	1.3	0.6	0.2	0.5	0.7	0.9	1.2	1.5	1.6	1.5*
Sepanyol	2.7	3.2	3.9	2.4	2.2	2.3	2.7	3.3	3.3	3.3	2.8	2.8
Itali	0.7	0.7	2.0	0.4	0.3	0.6	0.3	0.7	0.5	0.6	0.7	0.4
Perancis	1.4	1.2	1.4	1.9	1.6	1.6	1.7	1.0	1.1	0.6	0.6	0.7
United Kingdom	0.4	1.1	0.8	0.5	0.4	-0.2	0.7	1.1	1.2	1.5	1.3	t.t
Republik Rakyat China	5.2	5.0	4.7	6.5	5.0	5.3	5.3	4.7	4.6	5.4	5.4	5.2
Republik Korea	1.6	2.0	1.3	1.2	1.5	2.2	3.4	2.2	1.4	1.1	0.0	0.5*

Sumber: Laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih

Nota:

% perubahan tahun ke tahun

* anggaran awalan

t.t tidak tersedia

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE SECOND QUARTER OF 2025

Malaysia recorded 4.4 per cent growth in the second quarter, sustained by domestic consumption and investment despite softer external demand

PUTRAJAYA, AUGUST 15, 2025 – Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) grew by 4.4 per cent in the second quarter of 2025, maintaining the same growth rate recorded in the first quarter. In terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted, GDP increased by 2.1 per cent (Q1 2025: 0.7%) in this quarter. The monthly economic performance grew by 4.4 per cent and 3.3 per cent in April and May, respectively, before accelerating to 5.5 per cent in June 2025. Hence, for the first half of 2025, the economy grew by 4.4 per cent as compared to 5.0 per cent for the same period in the previous year. This was reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of GDP figures for the second quarter of 2025.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "This quarter's economic expansion was underpinned by steady supply side performance, particularly in the Services, Manufacturing and Construction sectors. The resilience of Malaysia's economy was demonstrated by the sustained strength of domestic demand, driven by both consumer spending and industrial output, despite softer external demand. On the consumer front, growth was boosted by festive season spending and higher travel activity, alongside the realisation of investments in construction-related projects, especially data center. The combination of a strong labour market, low unemployment and inflation rates as well as targeted financial assistance measures provided an additional boost to household purchasing power. Overall, domestic consumption remained the key driver of growth, providing a solid foundation for the economy. However, external conditions continued to pose challenges, weighed down by ongoing tariff developments and persistent global political uncertainties."

In terms of sectoral performance, the **Services** sector expanded by 5.1 per cent (Q1 2025: 5.0%) in the second quarter of 2025, driven by the Wholesale & retail trade sub-sector at 4.3 per cent. This growth was underpinned by increases in the wholesale

(6.1%) and retail (3.8%) segments, while motor vehicles rebounded slightly (0.1%) this quarter. Furthermore, the Transportation & storage and Food, beverage and accommodation sub-sectors remained favourable with growth of 8.6 per cent and 9.0 per cent, respectively, benefiting from continued demand in freight segments as well as high tourist arrival numbers. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Services sector grew by 2.3 per cent (Q1 2025: 0.7%).

The **Manufacturing** sector eased to 3.7 per cent (Q1 2025: 4.1%) this quarter, driven by domestic-oriented industries, particularly in Food processing products and construction related products. However, the growth in export-oriented industries moderated, weighed down by weaker output in Refined petroleum products. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Manufacturing sector increased by 2.1 per cent (Q1 2025: 1.4%).

The **Construction** sector posted a robust 12.1 per cent increase (Q1 2025: 14.2%), extending its streak to six consecutive quarters of double-digit expansion. The sector's strong performance was led by Non-residential buildings, which surged by 17.0 per cent on the back of large-scale industrial, commercial and infrastructure developments. This was followed by Specialised construction activities (10.6%), Civil engineering (9.4%) and Residential buildings (12.2%). On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector increased by 5.2 per cent (Q1 2025: 1.1%).

In addition, the **Agriculture** sector rose 2.1 per cent (Q1 2025: 0.7%), attributed to strong performance in the Oil palm sub-sector at 5.3 per cent, supported by production of fresh fruit bunches. Furthermore, the Other agriculture and Livestock sub-sectors both recorded increases of 2.0 per cent and 1.5 per cent, respectively. This sector rose by 4.0 per cent (Q1 2025: 1.2%) on a quarter-on-quarter seasonally adjusted.

The **Mining and quarrying** sector fell by -5.2 per cent (Q1 2025: -2.7%), driven by declines in Natural gas (-8.1%) and Crude oil & condensate (-1.6%) following lower production due to scheduled maintenance. In terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector declined further to -5.5 per cent, from a -1.9 per cent decrease recorded in the previous quarter.

Commenting further, the Chief Statistician of Malaysia stated, “**Private final consumption expenditure** grew by 5.3 per cent, picking up from 5.0 per cent in the preceding quarter. The growth was driven by spending in Restaurants & hotels (14.3%), Transport (9.4%) and Food & non-alcoholic beverages (4.2%), mirroring stronger momentum in travel, tourism and holiday-related spending. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Private final consumption expenditure rose by 2.1 per cent (Q1 2025: 1.5%).”

Gross fixed capital formation (GFCF) or investment in fixed assets, increased by 12.1 per cent from 9.7 per cent in the previous quarter, attributed to investments in Machinery & equipment, which grew by 16.6 per cent, following higher capital expenditure in information and communication technology. Additionally, Structure component expanded by 10.5 per cent, while Other assets grew marginally by 0.3 per cent. From a sectoral perspective, both the Public and Private sectors contributed to the strong investment growth this quarter. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, GFCF recorded significant growth of 6.5 per cent (Q1 2025: 0.8%).

He also mentioned that, “**Government final consumption expenditure** rose by 6.4 per cent (Q1 2025: 4.3%), backed by spending on supplies and services. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Government final consumption expenditure grew by 1.4 per cent (Q1 2025: 0.1%). Externally, **Imports** rose by 6.6 per cent (Q1 2025: 3.1%) due to higher demand in capital goods while **Exports** grew at slower pace of 2.6 per cent (Q1 2025: 4.1%). Hence, **Net exports** contracted sharply by -72.6 per cent. Malaysia’s economic growth for the second quarter of 2025 was fuelled primarily by domestic consumption amid softer external demand.”

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.


OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
15 AUGUST 2025**


APPENDIX

**Chart 1: Gross Domestic Product (GDP),
Q1 2022 – Q2 2025 and 2022 – 2024**




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 2: Annual GDP Growth, 2000 – 2024



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 3: Monthly and Quarterly GDP Growth, 2022 – 2025



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 4: Quarterly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Q1 2025 & Q2 2025






Chart 5: Quarterly GDP Growth by Type of Expenditure, Q1 2025 & Q2 2025




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 6: Monthly GDP Growth by Kind of Economic Activity, April – June 2025




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 7: Seasonally Adjusted GDP
(Percentage Change from Preceding Quarter), Q1 2019 – Q2 2025**



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 8: Gross National Income (GNI) Per Capita, Q1 2022 – Q2 2025



Source: Department of Statistics Malaysia

Table 1: GDP Performance for Selected Countries

Selected Countries	2023	2024	2023				2024				2025	
			Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2
ASEAN COUNTRIES												
 Malaysia	3.5	5.1	5.7	2.7	3.1	2.8	4.2	5.9	5.4	4.9	4.4	4.4
 Singapore	1.8	4.4	1.0	1.3	1.9	3.1	3.2	3.4	5.7	5.0	4.1	4.4
 Brunei	1.1	4.1	0.8	-3.1	-0.4	6.8	7.2	5.4	5.7	-1.3	-1.8	n.a
 Thailand	2.0	2.5	2.7	1.9	1.6	1.8	1.7	2.3	3.0	3.3	3.1	n.a
 Indonesia	5.1	5.0	5.0	5.2	4.9	5.0	5.1	5.1	5.0	5.0	4.9	5.1
 Vietnam	5.1	7.1	3.4	4.3	5.5	6.7	6.0	7.3	7.4	7.6	6.9	8.0
 Philippines	5.5	5.7	6.4	4.3	6.0	5.5	5.9	6.5	5.2	5.3	5.4	5.5
OTHER COUNTRIES												
 United State of America	2.9	2.8	2.3	2.8	3.2	3.2	2.9	3.0	2.7	2.5	2.0	2.0*
 European Union	0.5	1.1	1.3	0.6	0.2	0.5	0.7	0.9	1.2	1.5	1.6	1.5*
 Spain	2.7	3.2	3.9	2.4	2.2	2.3	2.7	3.3	3.3	3.3	2.8	2.8
 Italy	0.7	0.7	2.0	0.4	0.3	0.6	0.3	0.7	0.5	0.6	0.7	0.4
 France	1.4	1.2	1.4	1.9	1.6	1.6	1.7	1.0	1.1	0.6	0.6	0.7
 United Kingdom	0.4	1.1	0.8	0.5	0.4	-0.2	0.7	1.1	1.2	1.5	1.3	n.a
 People's Republic of China	5.2	5.0	4.7	6.5	5.0	5.3	5.3	4.7	4.6	5.4	5.4	5.2
 Republic of Korea	1.6	2.0	1.3	1.2	1.5	2.2	3.4	2.2	1.4	1.1	0.0	0.5*

Source: Official website of Selected National Statistical Office

Note:

% year-on-year change

* advance estimates

n.a not available